

Praktis Pengukuhan

Padankan situasi di bawah dengan peribahasa yang betul.

1 Hasnah berasa dengki melihat kejayaan Ramlah.

• Ringan tulang

2 Zarina berkahwin dahulu daripada kakaknya.

• Mengadu untung

3 Encik Razak rajin bekerja mencari rezeki.

• Iri hati

4 Harga barang di kedai itu tidak boleh ditawar.

• Langkah bendul

5 Ishak mencuba nasib bekerja di Kuala Lumpur.

• Pencuci mulut

6 Emak menghidangkan buah-buahan selepas makan.

• Harga mati

Praktis Pengukuhan 2

Tulis peribahasa berdasarkan petikan yang diberi.

Amri pulang ke kampung setelah kematian ayahnya. Dia berhasrat untuk mengusahakan tanah pusaka ayahnya yang terbiar. Walaupun tiada pengalaman dalam bidang pertanian, dia tidak berputus asa dan berdiam diri. Amri telah mengikuti kursus pertanian anjuran Jabatan Pertanian untuk menambahkan ilmu. Dia juga berusaha mendapatkan bantuan daripada agensi-agensi yang terlibat. Kini, dia menjadi petani yang berjaya.

1 _____

Amirah sudah tidak sabar-sabar untuk pulang ke tanah air. Perkhidmatannya di England sudah hampir tamat. Walaupun dia ditawarkan gaji yang lumayan supaya dia menyambung perkhidmatannya, namun Amirah menolak. Sudah lama rasanya dia berada di rantau orang. Dia akan bekerja di Malaysia walaupun gaji yang akan diperolehnya tidak setinggi ketika bekerja di England.

2 _____